

Demi masa depan

3 pemain Harimau Muda bangga terima ijazah harap dicontohi atlet lain

>>Oleh Intan Mas Ayu Shahimi
imas@hmetro.com.my

SERDANG: Kemunculan tiga pemain skuad kebangsaan, Mahali Jasuli, 23, Mohd Bunyamin Omar, 24, dan V Kavi Chevan, 23, pada Majlis Konvokesyen Ke-36 Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam mencuri perhatian peminat bola sepak tanah air.

Biarpun mengakui kehadiran mereka di UPM sejak 2009 tidak memberi impak besar kepada institusi pengajian tinggi awam (IPTA) itu, jelas kehadiran mereka semalam sebenarnya menarik perhatian banyak mata terutama keluarga serta rakan graduan yang mengikuti istiadat konvokesyen.

Mahali yang juga Kapten Harimau Muda A berkata, kehadirannya ke majlis itu semalam detik paling bermakna yang ditunggu sejak memulakan pengajian dalam bidang Pembangunan Sumber Manusia, tiga tahun lalu.

"Saya tidak menjangka menggenggam ijazah hari ini (semalam) kerana menyam-



BERJAYA... (dari kiri) Kayi Chevan, Mohd Hafizzul din, Mohd Nor, Arman Fareez Mohd Ali, Bunyamin, Mahali dan Raziman Nasir menerima ijazah semalam.

bung pelajaran bukan mudah untuk atlet seperti saya.

"Bagaimanapun, saya bersyukur dan berterima kasih kepada rakan dan pensyarah, rakan serta pihak universiti sendiri kerana banyak membantu," katanya.

Menurutnya, amalan berkongsi nota dengan rakan dan pensyarah, peka dengan komitmen serta masa antara resipi terbaik kejayaannya.

"Kalau tidak dapat mengikuti kelas dan terbabit perlawan, rakan tidak lokek berkongsi nota. Malah, kalau mengikuti latihan di luar negara, pen-

syarah e-mel segala nota.

"Walaupun pernah rasa terbeban, saya cekalkan hati kerana tidak mahu mereka yang banyak membantu kecwey apabila saya berputus asa," katanya.

Menurutnya, dia bersungguh-sungguh mendapatkan ijazah kerana mahukan jaminan besar untuk masa depannya.

"Saya akan bersara daripada dunia bola sepak satu hari nanti. Jadi inilah bekalan terbaik untuk saya mencipta kerjaya nanti," katanya.

Begini juga dengan Mohd Bunyamin yang memilih kur-

sus sama untuk dijadikan modal sekali gus melengkapkan perancangan masa depannya.

"Saya lega menamatkan pelajaran walau sibuk dengan latihan serta jadual perlawan. Malah, saya cukup terhutang budi dengan rakan dan pensyarah kerana banyak membantu sepanjang mengikuti pengajian di sini.

"Walaupun dibenar memanjangkan tempoh pengajian, saya nekad menghabiskan awal. Saya harap lebih ramai atlet mengikuti jejak kami untukjamin masa depan," katanya.

FOTO | Farizul Hafiz Awang



GEMBIRA... Afifah dicium ibu, Jamilah Abd Rahman dan bapa Yusof Abu Bakar, semalam.

Adik saingan kejar ilmu

SERDANG: "Sebagai anak sulung, adiklah pesaing terdekat dalam mengejar ilmu. Kalau boleh, biarlah saya selangkah ke depan dan menjadi contoh terbaik untuk mereka," kata Afifah Yusof, 23, selepas Majlis Konvokesyen Ke-36 Universiti Putra Malaysia (UPM) di sini, semalam.

Afifah yang menerima Ijazah Bahasa dan Linguistik Melayu (Kelas Pertama) kini menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah (PhD) di UPM.

Katanya, sebaik tamat Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dia nekad bersaing dengan adiknya, Anisah, 22, yang ketika itu mengikuti program matrikulasi.

"Sejak tahu adik mendapat

peluang mengikuti matrikulasi, saya tidak senang duduk. Kerana itu saya gigih untuk mendapat keputusan cemerlang.

"Saya puas hati kerana mendaftar di UPM sehari awal berbanding adik yang memilih Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan itu antara peniu semangat untuk terus cemerlang," katanya.

Menurutnya, dia tidak pernah tertekan sepanjang mengikuti pengajian sebaliknya seronok dapat bersaing dengan adiknya.

"Bayangkan, minggu ini saya naik ke pentas untuk mengambil ijazah dan minggu depan giliran Anisah pula menggenggam ijazah dalam bidang Fizik yang diidamkan," katanya.